

BERITA HARIAN, JUMAAT, 23 APRIL, 1982

PM DAN ISTERI TURUT UNDI

Oleh NAZRI ABDULLAH

ALOR STAR, Khamis — Pusat membuang undi Sekolah Kebangsaan Titi Gajah, sembilan kilometer dari sini penuh sesak dengan ribuan rakyat berbagai kaum, tua muda yang awal-awal lagi keluar mengundi di samping melihat wajah Perdana Menteri dan isteri yang turut membuang undi di situ.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr. Siti Haamah tiba di pusat mengundi tepat jam 9.45 pagi. Selepas menyemak daftar undi di pondok Barisan Nasional yang terletak di luar kawasan sekolah, beliau diarak oleh penyokong penyokong Barisan Nasional ke bilik membuang undi.

Walaupun Perdana Menteri bertanding di Parlimen Kubang Pasu tetapi beliau dan isteri mengundi untuk Parlimen Kuala Kedah dan Negeri Anak Bukit.

Dalam pilihanraya 1978, Perdana Menteri dan isteri mengundi di tempat yang sama.

Turut mengiringi Da-

tuk Seri Dr. Mahathir membuang undi ialah calon Barisan Nasional Anak Bukit, Encik Zakaria Said dan calon Parlimen, Datuk Abu Bakar Rautin.

Berbaris

Seperti rakyat Malaysia yang lain, Perdana Menteri dan isteri terpaksa berbaris menunggu giliran masing-masing. Ketika inilah Perdana Menteri dikerumuni oleh para pengundi terutamanya penyokong Barisan Nasional yang tidak mahu melepaskan peluang berjabat salam dan berbual mesra dengan Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang kelihatan riang berbual dengan para pengundi, turut berjenaka sambil bertanya, "Mengapa nampaknya banyak pengundi perempuan saja."

Jawab salah seorang pengundi, "Biar orang perempuan dulu Datuk."

Dalam suasana ramah mesra itu, kelihatan dua orang nenek tua yang agak uzur duduk bertinggang mungkin sudah letht kerana lama berdiri di perbarisan yang pan-

jang.

Melihat keadaan itu, Datuk Seri Dr. Mahathir meminta jasa baik ketua tempat mengundi supaya membenarkan mereka yang tua dan uzur masuk mengundi dahulu.

Selepas membuang undi kira-kira jam 10.00 pagi, Perdana Menteri terus ke kawasan pilihanrayanya Kubang Pasu, melawat beberapa pusat pemuangan undi dan bertemu dengan penyokong Barisan Nasional di situ.

Seperti biasa Perdana Menteri dikerumuni oleh penyokong Barisan Nasional dan ada setengahnya tidak sabar-sabar lagi mengucapkan tahniah terlebih dahulu.

Selepas melawat ke kawasan pilihanrayanya, Perdana Menteri pulang ke kediamannya di Titi Gajah. Jam 3.00 petang beliau dan isteri berlepas pulang ke Kuala Lumpur untuk bersama-sama pemimpin Barisan Nasional yang lain menunggu keputusan pilihanraya di sebelah malamnya. Turut hadir di Lapanganterbang Kepala Batas, Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Nahar Shahabuddin.